BULETIN JP

CAKNA, KONGSI DEMI MANFAAT

EDISI 2/2023

KEBANGGAAN JP

Titipan Tinta

Bismillahirrahmanirrahim

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah swt atas segala nikmat yang diberikan kepada kita.

Cantik menawan gadis pingitan,
Terpaut kasih hati yang murni,
Sekalung tahniah ikhlas diucapkan,
Buletin Edisi 2/2023 terhasil kini.

Kandungan

Pena Bicara
Sanjung Budaya
Lensa JP
Tahukah Anda
Subur Minda
Abjad Pilihan
Tim Penerbitan

PENA BICARA

ANTARA CADANGAN UNTUK KOMUNIKASI YANG BERKESAN

2 ENTITI PENTING WAJAR DIAMBILKIRA : PENYAMPAI & PENDENGAR

1. BERSEDIA

Pastikan diri kita telah benar-benar bersedia dari segi :

- pengetahuan
- keupayaan "twist"
- fizikal & jiwa
- analogi
- wow aktiviti

2. PENDENGAR TELAH BERSEDIA

Beri ruang kepada pendengar untuk mereka benar-benar:

- selesa & bersedia

Keselesaan itu salah satu kunci mereka bersama dengan kita.

3. JAGA EYE CONTACT

Kita perlu adil dalam eye contact. Jangan fokus hanya kepada bahagian tertentu sahaja.
Ingat aturan eye contact 3 saat.

4. BAHASA

Bahasa perlulah:

- mudah difahami
- jelas sebutan
- sesuai dengan pendengar

Bahasa yang indah & teratur boleh menjadi tarikan yang wow kepada pendengar

5. TUNJUK APA YANG DIKATA

Penyampaian kita mestilah seimbang, boleh difahami dengan penzahiran dari mulut & gaya tubuh yang baik

6. TEKANKAN PERKARA PENTING

Ianya boleh menarik semula perhatian pendengar

7. SALURAN YANG TEPAT

Gunakan saluran yang tepat sesuai dengan tujuan & siapa pendengar kita. Orang kata " matching itu balance"

8. ELAK GANGGUAN

Kalau kita mohon telefon bimbit pendengar "silent mode", wajar juga telefon kita dalam keadaan "silent mode" sebab kita bersama di sesi yang sama dengan mereka.

9. BUKA PELUANG BERTANYA

ini membuktikan kita bersedia. Pendengar akan lebih percaya & yakin dengan kemampuan kita.

Ingat ya, kita mesti bersedia dengan soalan yang kadangkala di luar jangkaan kita.

10. BUAT SUSULAN

Sesi penutup adalah sesi yang penting:

- Buat ringkasan perkara penting
- Tutup dengan "sesuatu" yang wow seperti gabungan peribahasa, susunan indah kata-kata dsb.

JANGAN LUPA...

SELALU HARGAI PENDENGAR

3 PERKARA SEBELUM BERUCAP

PASTI PENONTON MERASA ANDA BENAR-BENAR BERSEDIA

1.

JALAN KE TENGAH PENTAS TANPA PERLU BERCAKAP APA-APA TERLEBIH DAHULU



2.

BILA BERDIRI, LETAKKAN KEDUA-DUA TANGAN DIPOSISI TENGAH

3.

LOCK EYE CONTACT DENGAN 2 KUMPULAN PENONTON YANG BERBEZA SELAMA 3 SAAT

AMBIL NAFAS, KINI ANDA SUDAH BENAR-BENAR

BERSEDIA UNTUK BERUCAP

SANJUNG BUDAYA

KETENANGAN

AKU TERUS BERJALAN
TANPA MENGHIRAUKAN RINTANGAN
AIR MATAKU MENGALIR DI PIPI
HATIKU TERSEKSA
MENCARI KETENANGAN JIWA

KETENANGAN
KINI KUTEMUI
SUASANA SEPI MENJADI RIANG
SUASANA GELAP MENJADI TERANG

DAN KINI AKU SEDARI
BAHAWA KETENANGAN
BUKANNYA DATANG DARI KESENANGAN
KEMEWAHAN DAN KEKAYAAN

BERILMU DAN BERIMAN
DISITU IA DATANG
MENJADIKAN JIWAKU TENTERAM
APABILA AKU MENDEKATINYA

IBU TAKKAN SELAMANYA ADA

PESAN SEORANG IBU
BUAT ANAK PEREMPUANKU
JATUH BANGUN SEDIH PILUMU
SELAGI ADA AKU
AKULAH PEMBELAMU
PENEMAN SETIAMU
WALAU KAU SALAH BERJUTA
AKU MAAFKAN SEMUANYA

TAK HARAP BANYAK DARIMU
HARTA ATAU ISI DUNIA BUKAN ITU YANG KU MAHU
KAU JAGALAH HAK ALLAH
AURAT, MARUAH,KEHORMATAN DAN RUKUN AGAMA
ITULAH TANDA KAU KASIHI AKU IBUMU

KESOLEHAN MU ITU ANAKKU
ITU YANG KU TUNTUT
BISA MENEMANI SEPANJANG KU BERSEMADI

NUKILAN NIK ZURAINI NIK MAHMOOD

Ibu & Kain Guni

Mungkin cerita ini biasa, tapi ianya adalah permulaan cerita berubahnya sikap diriku dari biasa ke yang sepatutnya biasa. Terngiang-ngiang pula senikata lagu Tegar, Aku Yang Dulu Bukanlah Yang Sekarang, kerana hakikatnya perjalanan hidup manusia itu pasti akan ada bezanya, pasti akan ada naik turunnya. Syarat utama, kita sendiri kena usaha untuk ke arah yang lebih baik, kena cari peluang dan ruang untuk ke arah yang lebih baik dan kena sedar diri bahawa diri kita ini sentiasa perlukan sesuatu yang lebih baik agar tidak menyesal di hari mendatang.

Dulu aku seorang anak yang cukup tidak ambil kisah. Padaku, asalkan aku tidak ponteng sekolah, tidak buat jahat di sekolah, tidak kurang ajar dengan cikgu-cikgu, itu sudah mendamaikan rutin harianku. Kadang ku lihat ramai kawan-kawanku bersungguh-sungguh betul bertanya cikgu untuk memahamkan sesuatu. Bisik hatiku, apalah nak kecoh sangat, bukan esok nak periksa pun, lama lagi nak tiba hari peperiksaan. Rupanya, aku yang silap, sikap sambil lewa inilah yang membawa aku terus leka hingga hampir hari peperiksaan. Tapi, apa yang aku nak risaukan sebab aku memang tidak kisah pun pasal periksa. Rutin harianku ambil beg untuk ke sekolah dan balik sekolah letak semula beg dipenjuru biasa, penjuru kegemaranku tempat beg sekolahku berehat sementara di situ.

Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3, aku masih dengan sikap sambil lewa, masih bersahabat setia dengan nanti, nanti dan nanti. Tingkatan 4 membuka lembaran cerita. Entah dari mana datangnya rasa itu aku sendiri tidak pasti. Yang aku pasti, hati ini tiba-tiba sebak, sedih dan menangis bila ku lihat dengan mataku sendiri peristiwa ibu dan kain guni. Di pagi hari itu hujan renyai-renyai. Dalam sedar separuh lena ku lihat ibuku mempersiapkan diri di belakang rumah. Dengan muka separuh kehairanan, ku terkejut kerana ibuku memberitahu yang dia kena ke kebun untuk menoreh juga pada pagi itu. Selalunya jarang ku lihat ibu bersiap untuk menoreh sebab awal pagi lagi ibu sudah meninggalkan rumah untuk ke tempat kerjanya itu. Dengan pantas aku menegur ibuku, bukan ke hari hujan sekarang, untuk apa menoreh, getah beku tidakkan dapat, air hujan pula yang penuh nanti. Pantas juga ibuku menjawab, kena pergi juga sebab abangmu perlukan belanja, kakakmu perlukan belanja, diri kamu juga perlukan belanja. Ibu menambah lagi, tidak mengapa, hujan hari ini tidak lebat, kalau ibu bawa guni mungkin akan jadi penyelamat.

Guni??? Betul-betul aku hairan dengan guni ditempat menoreh. Lantas ibu memberitahu yang ibu akan lap pokok getah tu dulu dengan guni sebelum ibu toreh, biar pokok itu kurang basah, biar susu getah boleh mengalir elok. Ya Allah, ya Allah, tersentak, terdiam, terkedu, termalu, termangu aku dengan ayat dari ibuku. Ya Allah, sampai begini pengorbanan seorang ibu? Pengorbananku apa? Ya Allah...

Sejak hari tu, ada sesuatu yang tiba-tiba merubah diriku. Ada kata-kata yang sentiasa bermain difikiranku: Apalah yang boleh aku bantu ibu? Apa dayaku? Apa yang patut aku buat? Lantas, ada jawapan yang aku dapat dari rasa hatiku sendiri. Jawapannya : boleh, kau boleh bantu ibumu, caranya gembirakan dia, buat dia suka, jangan beri dia malu, beri dia rasa bangga denganmu, beri dia rasa berjaya walau hanya melaluimu kerana waktu dia telah berlalu. Belajar bersungguh-sungguh, beri erti berjaya pada ibumu.

Ya Allah, sekali lagi aku berjurai airmata. Baru ku sedar selama ini aku tidak pernah beri ibuku rasa menjadi ibu yang bahagia, ibu yang suka kerana sikapku yang tidak pernah kisah untuk menggembirakan dia.

Dengan kekuatan yang ada, aku berubah. Kali ini aku tekad berubah. Kalau dulu, aku sentiasa mendapat nombor Top 3 dari belakang, tapi kini Alhamdullillah mesti Top 3 dari depan. Kalau dulu, setiap kali hari penyampaian anugerah ibuku tidak akan pernah hadir, tapi kini dihari penyampaian anugerah, ibuku duduk dibarisan hadapan sebab bukan 1 anugerah yang kuterima, tapi mesti lebih dari 1. Kalau dulu mungkin aku diberi gelaran budak yang tidak ambil tahu, kini gelaran pelajar aktif dalam genggamanku. Kalau dulu, aku bukan siapa-siapa di sekolah itu, tapi kini aku menjadi salah satu nama yang terpahat di sejarah sekolah dek kerana menjadi pelajar terbaik SPM untuk tahun itu. Ini semua hadiah untukmu ibu. Memang benar, memang tepat, ibuku gembira, ibuku suka dengan apa yang dia rasa kini. Syukur ya Allah, kau sedarkan aku melalui "ibu dan kain guni ".

Hargai ibu

Cari kekuatan diri

Cari nilai untuk diri sendiri

Yakin pasti ada cara

LENSA JP

Program bersempena sambutan bulan kemerdekaan dan pengisian motivasi untuk pemantapan jiwa para pelajar JP.

Kejohanan Sukan Antara Program Jabatan Perdagangan 2023

DRM
DAT
DPR
DPM

KALIAN MEMANG TERBAIK!!!

TAHNIAH DRM, KALIAN JUARA 2023

Majlis Apresiasi Jabatan Perdagangan 2023
21 Oktober 2023

Program meraikan para pelajar semester 5 sebelum menamatkan pembelajaran di PSAS & sebelum melangkah ke alam pekerjaan.

Program Hulurkan Tangan, Realisasikan Impian di Rumah Anak Yatim Baitul Mahabbah, Slim River, Perak

16 November 2023

KOMUNIKASI BERKESAN: JANGAN ADA RAHSIA

18 Oktober 2023
UPSI Adventure Park

TAHUKAH ANDA

KOTA YANG PALING SULIT DISEBUT

ADA DI WALES: LLANFAIRPWLLGWYNGYLLGOGERYCHWYRNDROBWYLLLLANTYSILIOGOGOGOCH.

HURUF YANG PALING SERING DIGUNAKAN :

Huruf E

HURUF YANG PALING JARANG DIGUNAKAN :

Huruf Q

SUHU MINIMUM KUPU-KUPU UNTUK MEMBOLEHKAN KUPU-KUPU TERSEBUT BOLEH TERBANG

86 °C

666,6666
1.5 JUTA EURO
DI QATAR

NOMBOR TELEFON TERMAHAL DI DUNIA

MASA YANG DIPERUNTUKKAN OLEH LEONARDO DA VINCI UNTUK MELUKIS POTRET MONA LISA

10 TAHUN

BETUL KE TAK

PANJANG TELAPAK KAKI DAN LENGAN SAMA

CUBA LETAKKAN TELAPAK KAKI DI BAHAGIAN DALAM LENGAN, JAWAPANNYA YA, PANJANGNYA SAMA.

COKLAT BOLEH BUAT BAHAGIA

TAHUKAH KITA BAHAWA COKLAT TERDIRI DARI ZAT YANG OTAK KITA PRODUKSI KETIKA JATUH CINTA.

AIR MATA SEDIH DAN BAHAGIA BERBEZA



SEBERNARNYA AIR MATA MANUSIA MEMILIKI BENTUK YANG BERBEZA KETIKA DILIHAT DI BAWAH MIKROSKOP SESUAI DENGAN PENYEBABNYA. BENTUK AIR MATA KESEDIHAN DAN KEBAHAGIAAN AKAN BERBEZA KETIKA DILIHAT DI MIKROSKOP.

TEKA-TEKI

Suka Suka

ALI MENDAPAT RM7 DARI IBUNYA. ALI AMAT GEMBIRA DAN BELIAU TERUS KE KEDAI BERDEKATAN. ALI MEMBELI 2 BARANG YANG HARGANYA SAMA (BISKUT MARIE RM 2.25 @1).

SOALAN : BERAPAKAH BAKI YANG PATUT ALI TERIMA DARI PEKEDAI?

JAWAPAN : SEMAK DI RUANGAN ABJAD PILIHAN

SUBUR MINDA

7 “JANGAN’ DALAM HIDUP

PERTAMA :
JANGAN MERATAPI MASA LALU

Masa lalu adalah untuk direnungkan, dijadikan panduan dan diambil ikhtibar, bukan untuk diratapi dan “alat” untuk menyalahkan diri

KEDUA :
JANGAN MEMIKIRKAN SESUATU YANG BELUM TERJADI

Ianya diluar kemampuan kita, ianya bukan perancangan kita. Andai terus difikirkan, pasti timbul kekhuatiran, kebimbangan dan kecelaruan dalam diri.

KETIGA :
JANGAN MENGHINA ORANG LAIN

Cerminlah diri kita sendiri sebelum punya kekuatan untuk menghina orang lain kerana besar kemungkinan apa yang kita hinakan itu ada dalam diri kita juga.

KEEMPAT :
JANGAN MEMINTA BALASAN

Ikhlaslah dalam apa juga yang dilakukan kerana dengan meminta balasan ianya menggambarkan siapa diri kita sebenar.

KELIMA :
JANGAN TAMAK

Syukurlah dengan apa yang dikurniai, jangan tamak dengan sesuatu yang belum pasti, bimbang nanti demi mengejar secubit, hilang segenggam yang sudah pasti ditangan.

KEENAM :
JANGAN MARAH PADA ORANG YANG TENANG

Ianya ibarat mengejut singa yang sedang lena dan ibarat memancing kelaparan buaya. Jangan dicabar ketenangan mereka, bimbang kita pula tidak akan tenang setelah mereka pecahkan ketenangan mereka.

KETUJUH :
JANGAN MEMUJI PADA ORANG YANG TIDAK TAHU DIRI

Kerana orang yang tidak tahu diri semakin dipuji semakin menjadi-jadi, bukan cuba memperbaiki diri, bukan cuba menginsafi kekerdilan diri, sebab itu pujian bukan untuk manusia, tapi untuk Yang Maha Esa.

YA KE?

RENUNG-

RENUNGKAN





















KITA BINA BAHAGIA

ikut cara kita



"Wanita itu punya tabiat pencemburu, maka ada baiknya jangan menceritakan kelebihan perempuan lain dihadapannya meski hanya sekedar gurauan"

"Cinta itu tidak dapat dinanti, ambil dia dengan penuh keberanian, atau lepaskan dia dengan penuh keridhoan"

"Di dunia ini sabar itu ada dua hal, yaitu sabar terhadap apa yang kamu benci, dan sabar terhadap apa yang kamu suka"

"Seseorang yang mencintaimu tidak akan mengajakmu berbuat dosa"

"Yakinlah, ada sesuatu yang menantimu selepas banyak kesabaran yang kau jalani, yang akan membuatmu terpana hingga kau lupa pedihnya rasa sakit"

"Apabila sesuatu yang kau senangi tidak terjadi, maka senangilah apa yang terjadi"

"Aku tidak sebaik yang kau ucapkan, tapi aku juga tidak seburuk apa yang terlintas dalam hatimu"

"Apa yang menjadi takdirmu, pasti akan mencari jalannya untuk menemukanmu"

ABJAD PILIHAN

R
RISK & REGRET

Adalah lebih baik kita berani mengambil *RISK* terlebih dahulu daripada kita *REGRET* tanpa kita cuba berbuat apa-apa.

Pilih *RISK*, ada harapan kita berjaya
Pilih *REGRET*, sudah pasti kita kecewa

S
STAY & SWIPE

Hidup ini penuh dengan pilihan.
Kalau kita rasa ianya sesuai, serasi, senada, seirama, sekata, sama-sama hormat, sama-sama mengerti, sama-sama faham, sama-sama main peranan, sama-sama menghargai, sama-sama menjaga hak & had, kita wajar *STAY* dengannya..
TAPI...
kalau kita rasa sebaliknya, tak salah kalau kita *SWIPE* saja ianya dari rutin harian kita sebab hati kita lagi penting dan punyai harga yang lagi utama.
SAMA-SAMA KITA JAGA HATI KITA & HATI SEMUA...

LUMRAH HIDUP : ANALOGI GARAM, CILI & GULA

GARAM, TAK PERNAH NAKAL, TAPI SELALU KENA CUBIT
CILI , TAK PERNAH CARI GADUH, TAPI SELALU KENA TUMBUK
GULA, TAK PERNAH BUAT HAL, TAPI SELALU KENA KACAU

BEGITULAH HIDUP, KADANG KALA KITA TIDAK BERBUAT APA-APA SALAH, TAPI TETAP AKAN ADA YANG KURANG SUKA DENGAN KITA. ITULAH LUMRAH KEHIDUPAN.

Jawapan Teka-Teki
Ali patut dapat baki RM0.50
Sebab??? Ali ada RM7 kan, harga barang semua kan cuma RM4.50, jadi Ali beri ke pekedai RM5 saja lah sebab harga cuma RM4.50. Jadi, baki dia dapat RM0.50 lah kan...

Tim Penerbitan

Penasihat
Norhazlin Binti Mohamed Ali

Penyelaras
Hazariah Binti Karsahid

Editor
Norhazlin Binti Mohamed Ali
Hazariah Binti Karsahid

Penulis
Norhazlin Binti Mohamed Ali
Hazariah Binti Karsahid
Nik Zuraini Nik Mahmood

Selembar Ungkapan, Sekalung Penghargaan

Jutaan terima kasih buat semua staf Jabatan Perdagangan atas usaha, masa dan idea yang dicurahkan bagi menjadikan Buletin JP Edisi 2/2023 suatu realiti. Semoga ianya terus menjadi wadah penghasilan karya dan perkongsian berguna buat kita semua.

Caknalah, Kongsilah Demi Manfaat Semua

0 00035 54562 0

BULETIN JP

EDISI 2/2023

Buletin JP
Cakna, Kongsi Demi Manfaat
@ Politeknik Sultan Azlan Shah
Edisi 2/2023

Hak Cipta Terpelihara, tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, illustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan oleh :
POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH
Behrang Stesyen, 35950 Behrang, Perak.
Tel : 05-4544431
Faks: 05-4544993
Email : propsas@polycc.edu.my

POLITEKNIK MALAYSIA
SULTAN AZLAN SHAH

BULETIN JP
CAKNA, KONGSI DEMI MANFAAT EDISI 1/2023

Politeknik Sultan Azlan Shah
Behrang Stesyen,35950 Behrang, Perak.